



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

03 APRIL 2025 (KHAMIS)

Arnab, hamster terperangkap dalam rumah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	4	3 April

Arnab, hamster terperangkap dalam rumah

SUBANG JAYA - Enam ekor haiwan peliharaan yang terperangkap dalam rumah di Taman Harmoni susulan kejadian kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni Putra Heights di sini pada Selasa berjaya diselamatkan.

Pegawai Bomba Sukarela Shah Alam, Datuk Dr Ken Foo Kwok Hsing berkata, haiwan yang diselamatkan itu ialah dua ekor anjing, tiga arnab dan seekor hamster.

"Haiwan itu masing-masing ditemui di tiga buah rumah yang terjejas dalam insiden terbabit.

"Anjing itu dijumpai di luar rumah, manakala arnab dan hamster di dalam rumah. Kesemua haiwan itu dibawa ke pusat veterinar Taman Megah untuk pemeriksaan lanjut," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, pemilik tiga ekor arnab yang diselamatkan, Yap, 60-an, berkata, dia memelihara enam ekor haiwan iaitu empat arnab, seekor tikus belanda dan seekor tupai.

Katanya, semasa kejadian selepas mendengar bunyi letupan, dia cuba membawa kesemua haiwan peliharaan masuk ke dalam kereta namun gagal disebabkan sangkar besi yang telah panas.

"Saya tolak sangkar-sangkar ke dalam tandas dan hanya sempat bawa seekor tupai peliharaan," ujarinya.

Jelasnya, dia berasa gembira apabila apabila haiwan ini ditemui.

"Kebanyakannya haiwan ini sudah saya bela sejak satu hingga lima tahun lepas," ujarinya.



Yap gembira selepas arnab peliharaannya diselamatkan pada Selasa.

Perasa ternak 'ulat' untuk ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	-	3 April

Pesara ternak 'ulat' untuk ternakan

Kos ternak boleh dikatakan sifar kerana tidak perlu beli makanan

Oleh **ASWANY OMAR**
BACHOK

Ramai mengenalnya sebagai ulat dan mungkin juga geli memegang larva daripada sejenis serangga dikenali sebagai *black soldier fly* (BSF).



Bagaimanapun, ulat ini dikatakan mampu meningkatkan hasil dalam pertanian dan penernakan tanpa modal tinggi.

Justeru, pesara kerajaan, Adnan Mohd Rasid, 60, berusaha menternak serangga sebagai menyahut seruan kerajaan selain menambah pendapatan dengan menternak BSF selepas bersara.

"Saya menternak ulat ini bermula Januari lalu kerana penjagaannya tidak sukar dan hanya perlu diberikan sisa makanan," katanya.

Adnan memberitahu, larva serangga itu matang dalam tem-

poh 21 hari dan boleh digunakan sepenuhnya sebagai makanan ayam manakala najisnya dimanfaatkan sebagai baja kompos.

Bapa kepada 11 anak ini mengakui kos memelihara BSF boleh dikatakan sifar kerana tidak membabitkan pembelian makanan.

"Jika hari biasa, saya dapat mengumpul 10 kilogram (kg) sisa makanan dari kantin sekolah atau asrama di sekitar Bachok untuk diberikan kepada induk atau larva," katanya.

Buat masa ini, Adnan belum menjual hasil BSF di pasaran dan hanya mencukupkan untuk ternakannya sahaja.

Bagaimanapun, dia berhasrat memasarkan baja kompos ke nurseri bagi menambah pendapatan jika pengeluaran najisnya lebih tinggi pada masa akan datang.

"Buat masa ini, tidak ramai nekad menternak serangga ini kerana bentuk dan pergerakannya dilihat menggelikan terutama ketika sedang berubah menjadi induk.

"Warnanya yang kehitaman mungkin menambah rasa tidak selesa bagi mereka yang cuba menternak ulat ini," katanya.

Adnan berkata, pada awalnya dia hanya membeli 10 gram (g) telur pada harga RM70 yang mampu membiakkan 40kg larva.

Jelasnya, larva matang mengandungi 40 hingga 50 peratus



Adnan menunjukkan sisa makanan untuk pembiakan BSF.

protein sesuai diberikan kepada anak ayam sebagai makanan.

Adnan berkata, BSF mampu membantu golongan tertentu menjana pendapatan dan pada masa sama meningkatkan industri ternakan ayam dan pertanian.

Menurut Adnan, lebih istimewa BSF tidak pernah dikaitkan dengan sebarang masalah bau atau penyakit kerana hanya bertelur di tempat kering dan bersih.

"Serangga ini juga berbeza dengan lalat atau serangga lain kerana badannya tidak bersentuh benda busuk manakala telurnya akan rosak jika terkena sebarang cecair," katanya ketika ditemui di kediamannya.

Katanya, sesiapa sahaja boleh menternak ulat ini tetapi perlu menjauhi perasaan takut dan geli.

"Memang pada mulanya mungkin ada takut atau geli tetapi ia tidak menggigit, cuma

sejuk dan bergerak ketika dipegang," katanya.

Beliau turut berkongsi petua bahawa sisa makanan diberikan terus kepada ayam mungkin akan mendatangkan penyakit pada musim tertentu.

"Kaedah terbaik ialah menjadikan sisa ini sebagai makanan BSF sebelum serangga diberi kepada ayam.

"Penternak ayam kampung contohnya boleh berjimat sehingga 100 peratus kerana ulat ini hanya memakan sisa makanan," katanya.

Beliau berkata, tidak sukar membiakkan telur BSF kerana hanya meletakkannya di atas pennisap makanan manakala di bawahnya disediakan sisa makanan.

"Apabila telur menetas, larva akan memakan sisa makanan tetapi perlu dipastikan telur tidak terkena air kerana boleh mengakibatkan kerosakan," katanya.



Adnan (dua dari kiri) bersama anaknya menunjukkan larva BSF matang dan boleh dijadikan induk.

Penduduk harap Tindakan tegas ke atas pemilik anjing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negeri!	18	3 April

Penduduk harap tindakan tegas ke atas pemilik anjing

BALING – Pihak berkuasa digesa mengambil tindakan tegas terhadap pemilik dan dua ekor anjing jenis Rottweiler yang menyerang lima penduduk di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil dekat sini pagi kelmarin.

Rata-rata penduduk mahu pemiliknya membawa keluar anjing tersebut dari kawasan perumahan itu.

Pengerusi Rukun Tetangga (KRT), Abdulazim Abdul Hamid, 57, berkata, ini bukan kali pertama kejadian serangan itu berlaku, malah dua tahun lalu juga berlaku kejadian sama apabila haiwan itu menyerang seorang pensyarah yang mengajar di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

"Semalam lima penduduk di kawasan ini cedera parah akibat diserang anjing berkenaan, selepas ini siapa pula yang menjadi mangsanya kita tidak tahu.

"Sepatutnya kejadian semalam tidak berlaku lagi dan perlu dielakkan kerana anjing yang sama pernah menyerang seorang mangsa sebelum ini," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa perlu memandang serius kejadian ini memandangkan ia membabitkan keselamatan lebih kurang 2,000 penduduk di sini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Mansor Zakaria berkata, beliau sudah pun mengarahkan Majlis Daerah Baling mengambil tindakan pantas dan meminta pemilik anjing itu bertanggungjawab atas kejadian itu.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Azmi Mokhtar berkata, polis telah mengambil keterangan pemilik dua anjing Rottweiler dan kesemua lima mangsa bagi membantu siasatan mengenai serangan anjing tersebut.

Katanya, keterangan pemilik anjing berkenaan yang berusia 59 tahun telah diambil malam kelmarin.

"Pihak polis juga telah menerima lima laporan daripada ke semua mangsa berusia antara 50 hingga 66 tahun yang terbabit dalam kejadian itu. Laporan ada yang dibuat oleh mangsa dan ada yang dibuat ahli keluarga mereka untuk membantu siasatan berhubung kes serangan anjing ini.

"Kertas siasatan juga dibuka berhubung kes ini di bawah Seksyen 289 Kanun Keseksaan kerana cuai melepaskan anjing di tempat awam, namun begitu tiada tangkapan dilakukan. Hanya mengambil keterangan pemiliknya untuk membantu siasatan," katanya.



DUA daripada lima mangsa yang diserang anjing jenis Rottweiler dikejarkan ke HSAH, Sungai Petani, kelmarin.

Tragedi Putra Heights: NGO bantu rawat haiwan cedera

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Online	-	3 April

Tragedi Putra Heights: NGO bantu rawat haiwan cedera



PETUGAS NGO memeriksa seekor kucing yang terkesan akibat kejadian kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, Selangor, semalam.

PETALING JAYA: Susulan kejadian kebakaran melibatkan saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya semalam, beberapa buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil menghulurkan bantuan merawat haiwan-haiwan peliharaan dan terbiar yang terjejas.

Presiden Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM), R. Kalaivanan berkata, pihaknya telah bekerjasama dengan beberapa klinik veterinar bagi menawarkan rawatan percuma kepada haiwan yang mengalami kecederaan atau trauma akibat kejadian itu.

Menurutnya, usaha berkenaan termasuklah pencarian haiwan peliharaan yang hilang serta menyediakan makanan percuma.

“Kami akan terus berada di sini sepanjang minggu ini sehingga 8 April bagi memastikan setiap haiwan yang cedera mendapat rawatan sewajarnya.

“Bagi pemilik yang masih mencari haiwan mereka, kami akan bantu sedaya upaya dan jika perlu haiwan ini akan dijaga buat sementara waktu,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) turut menyalurkan bantuan dengan membekalkan makanan dan minuman kepada pemilik haiwan yang masih terperangkap kerana kekurangan pengangkutan.

Pengurus Besar SPCA Selangor, Kelvin Cheah, berkata pihaknya dan SAFM juga mendirikan pusat pemeriksaan haiwan berhampiran Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna Majlis Bandaraya Subang Jaya (Dewan Camelia) Putra Heights bermula semalam.

“Jika ada kes kecemasan yang memerlukan peralatan, kami akan segera menghantar haiwan itu ke klinik yang bersedia memberikan rawatan percuma,” katanya.

Dalam pada itu, sebuah klinik veterinar, Ministre’ of Pets Veterinar Clinic turut memaklumkan menerima banyak kes haiwan peliharaan yang terkesan akibat asap dan haba kebakaran tersebut.

Pemiliknya, Dr. Thiba Rajoo berkata, antara kes yang diterima termasuk seekor kucing berusia 14 tahun yang mengalami asma setelah terhidu asap tebal.

“Kami segera tempatkan kucing itu dalam ruang oksigen bagi mengelakkan komplikasi pada paru-parunya. Pemiliknya cukup sedih kerana kehilangan dua ekor kucing lain, jadi kami cuba membantu sebaik mungkin,” katanya. -[UTUSAN](#)

Rawatan dan makanan percuma untuk haiwan yang terjejas akibat kebakaran di Putra Heights

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
SinarPlus Online	Online	-	3 April

Rawatan dan makanan percuma untuk haiwan yang terjejas akibat kebakaran di Putra Heights

☰ Summarize

NOR HAFIZAH MD SHAH



KEBAKARAN paip gas di Putra Heights menyebabkan banyak harta benda penduduk setempat terjejas.

Sementara itu, mangsa yang terselamat masih menerima rawatan di hospital sehingga ke hari ini.

Namun, lebih menyedihkan apabila haiwan peliharaan dan haiwan terbiar tidak dapat diselamatkan semasa pemiliknya melarikan diri untuk menyelamatkan nyawa masing-masing.

Ada juga yang meninggalkan haiwan peliharaan mereka di rumah kerana pulang ke kampung untuk menyambut hari raya.

Atas rasa tanggungjawab dan perikemanusiaan, Persatuan Haiwan Terbiar (SAFM) berkolaborasi dengan empat klinik veterinar di Subang Jaya untuk memberikan rawatan percuma kepada haiwan yang terkesan akibat kejadian ini.

Klinik veterinar yang terlibat ialah Ministre of Pets Veterinary Clinic, SubangVet SS14, Putra Heights Veterinary Clinic dan Faith Veterinary Clinic & Surgery.

Mereka juga menyediakan makanan percuma kepada kucing dan anjing di klinik masing-masing.



Pemilik haiwan peliharaan yang memerlukan bantuan boleh datang ke klinik mereka tanpa perlu membuat temu janji.

Semalam, pasukan sukarelawan SAFM dengan bantuan pihak berwajib berjaya menyelamatkan 12 ekor kucing, dua ekor ular peliharaan dan seekor anjing.

Walau bagaimanapun, pencarian yang dilakukan perlu dihentikan dan akan disambung semula hari ini.

Orang ramai yang ternampak mana-mana haiwan yang terjejas akibat kebakaran ini boleh menghubungi talian kecemasan SAFM di 013-7066770.

Semoga lebih banyak haiwan dapat diselamatkan dan ditempatkan di kawasan perlindungan yang sesuai.

Kedah Vet Dept euthanize Rottweilers that attacked five people

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	Online	-	3 April

Kedah Vet Dept euthanise Rottweilers that attacked five people

Summary

Two Rottweilers that attacked five people in Kuala Ketil, Kedah, were euthanized by the Kedah Department of Veterinary Services. The dogs, which had not been neutered, were surrendered by their owner and samples were collected for rabies testing.

BALING: The two Rottweiler dogs that attacked and bit five individuals in Taman Desa Bidara, Kuala Ketil near here on Tuesday (April 1), have been euthanised.

Kedah Department of Veterinary Services (DVS) director Dr Shaharul Amar Talib said that as soon as they received information regarding the incident, they inspected the dog owners' home.

"We found two adult male Rottweiler dogs that had not been neutered... it was difficult to approach them.

"However, the dog owner cooperated, voluntarily surrendering the dogs to the Kedah DVS staff and agreed to have them euthanised," he said when contacted by Bernama on Thursday (April 3).

According to him, the Kedah DVS euthanised both dogs yesterday.

"Samples have also been collected from the dogs and sent to the Bukit Tengah Veterinary Laboratory in Penang for analysis to detect rabies," he said.

Bernama had previously reported that five individuals, including a Saudi Arabian university student, suffered injuries to various parts of their bodies after being bitten by the two dogs.

Earlier, a viral social media post showed several individuals being treated and transported in an ambulance after sustaining injuries from an attack by two black-coloured dogs. - Bernama

Kedah DVS euthanizes Rottweilers that attacked 5 people

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheBorneoPost	Online	-	3 April

Kedah DVS euthanises Rottweilers that attacked 5 people

Summary

Two Rottweilers that attacked five individuals in Kuala Ketil, Kedah, were euthanized by the Kedah Department of Veterinary Services. The dogs were surrendered by their owner and samples were collected for rabies testing.

April 3, 2025, Thursday at 10:33 AM



Bernama had previously reported that five individuals suffered injuries to various parts of their bodies after being bitten by the two dogs. – AFP file photo

BALING (April 3): The two Rottweiler dogs that attacked and bit five individuals in Taman Desa Bidara, Kuala Ketil near here on Tuesday (April 1), have been euthanised.

Kedah Department of Veterinary Services (DVS) director Dr Shaharul Amar Talib said that as soon as they received information regarding the incident, they inspected the dog owners' home.

"We found two adult male Rottweiler dogs that had not been neutered... it was difficult to approach them.

"However, the dog owner cooperated, voluntarily surrendering the dogs to the Kedah DVS staff and agreed to have them euthanised," he said when contacted by Bernama today.

According to him, the Kedah DVS euthanised both dogs yesterday.

"Samples have also been collected from the dogs and sent to the Bukit Tengah Veterinary Laboratory in Penang for analysis to detect Rabies," he said.

Bernama had previously reported that five individuals, including a Saudi Arabian university student, suffered injuries to various parts of their bodies after being bitten by the two dogs.

Earlier, a viral social media post showed several individuals being treated and transported in an ambulance after sustaining injuries from an attack by two black-coloured dogs. – Bernama

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**